



SAIFUDDIN

## Beza pendapat perkara biasa

**Johor Bahru:** 'Perbalahan' antara Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan timbalannya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali disifatkan lumrah dalam parti politik, malah ia dianggap sebagai perbezaan pendapat.

Setiasaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, perbezaan pandangan

itu turut dirasakan situasi yang berlaku dalam mana-mana parti dan masih boleh diurus parti itu sendiri.

"Perbezaan pandangan terhadap sesuatu perkara itu lumrah. Ia berlaku dalam mana-mana parti. Saya anggap itu perkara yang boleh uruskan," katanya selepas mengadakan pemantauan di Pasar Borong Pandan di sini, malam kelmarin.

Beliau diminta mengulas 'perbalahan' antara Presiden PKR dan Timbalannya di Parlimen, semalam.

Ditanya sama ada percanggahan pendapat antara dua pemimpin itu boleh mele-

mahkan parti, beliau berkata ukuran sama ada sesebuah parti itu lemah atau tidak diukur pada pilihan raya.

"Dalam sejarah PKR sejak 20 tahun dulu, ada pertembungan idea, percanggahan pendapat dan dalam tempoh itu kami masuk tidak kurang lima kali pilihan raya.

"Saya anggap ini dinamik dalam parti. Politik bukan statik, ia dinamik. Ada turun naik. Perbezaan pendapat dan ukuran parti lemah atau tidak, bila pilihan raya. Kita letak calon, kita berkempen waktu itu, kemudian jika rakyat tolak, itu baru menggambarkan kelemahan," katanya.